

18/05/1997

Status MSC terbuka (HL)

Zulkofli Jamaludin

SEPANG: Syarikat teknologi maklumat (IT) yang beroperasi di luar bandar pintar, Cyberjaya, juga boleh mendapat status Koridor Raya Multimedia (MSC), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, menurut Dr Mahathir, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) sedang memproses permohonan beberapa syarikat untuk diberi status MSC yang menawarkan pelbagai keistimewaan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, hanya syarikat yang memenuhi syarat yang ditetapkan MDC, akan diberi status itu.

Beliau memberi contoh Astro yang terbabit dalam pengeluaran media, boleh menikmati status berkenaan walaupun beroperasi di Taman Teknologi Malaysia.

Dr Mahathir berkata demikian selepas merasmikan upacara pecah tanah bandar Cyberjaya di sini, semalam.

Dr Mahathir turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian di antara Telekom Malaysia Berhad dan Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) yang membabitkan pembekalan perkhidmatan kepada bangunan pintar di Cyberjaya.

Telekom Malaysia diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohamed Said Mohamed Ali manakala NTT oleh Presidennya, Junichiro Miyazu.

Menurutnya, syarikat yang berhasrat menjalankan sebahagian aktiviti di MSC juga boleh dipertimbangkan.

Ditanya sama ada Microsoft Corporation akan menubuhkan cawangannya di MSC, beliau berkata, syarikat itu merancang menubuhkan ibu pejabat serantau di Cyberjaya dan permohonannya sedang diproses.

Dr Mahathir berkata, MDC berhasrat menarik 50 syarikat tempatan dan asing menikmati status MSC menjelang tahun 2000.

"Bagaimanapun, minat yang ditunjukkan sungguh besar, kita mungkin mencapai matlamat itu lebih awal," katanya.

Terdahulu, dalam majlis pecah tanah, Dr Mahathir menyerahkan topi keledar sebagai simbol penerimaan status MSC kepada 41 syarikat tempatan dan asing.

Antara 21 syarikat tempatan yang berjaya mendapat status itu ialah Universiti Multimedia, Telekom Malaysia Berhad, Alam Teknokrat Sdn Bhd, MRCB, Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Unico Technical Bhd, Celcom Technology, PUC Founder (M) Sdn Bhd.

Turut menikmati kemudahan itu, Golden Hope Plantations Bhd, Sime Darby Bhd, IOI Multimedia, KUB IT Sdn Bhd, CSA (M) Bhd, Datek Sdn Bhd, AIMS Worldwide Sdn Bhd, Software International Corporation (M) Sdn Bhd, Patimas Computers Bhd, EDS (M) Sdn Bhd dan MDC.

Antara syarikat asing ialah Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT), Sun Microsystems, NCR, Fujitsu, Nortel, Siemens, DHL, Oracle, Hewlett-Packard, Sita, Alcatel Network Systems, Digital Equipment, Ericsson Hewlett-Packard Telecommunications, Sumitomo Corporation, Perneq Corporation/Nec Corporation, Niit, Haganuk Telecom GmbH, Lotus Development, Electronic Data Systems dan Intel Corporation.

Perdana Menteri menyifatkan pelancaran Cyberjaya kena pada waktunya kerana diadakan ketika dunia menyambut Hari Telekomunikasi.

Kini ada 3.8 juta pelanggan talian biasa dan 1.8 juta pengguna telefon bimbit di Malaysia.

"Kadar penggunaan kita tinggi dan kian maju. Penggunaan telefon bimbit ialah 9 peratus, lebih tinggi daripada di Jepun apabila perkhidmatan

telepon jenis ini diperkenalkan di negara itu," katanya.  
(END)